

16/12/1997

Usaha secepat pulih mata wang

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin Asean hari ini menyarankan supaya usaha segera secara secepat diadakan bagi menangani masalah kemerosotan nilai mata wang dan memulihkan kestabilan dalam pasaran mata wang.

Mereka menggesa negara-negara besar seperti Kesatuan Eropah, Jepun, Amerika Syarikat dan institusi kewangan antarabangsa supaya mengambil bahagian dalam usaha antarabangsa `untuk mengatasi keadaan ini secepat mungkin.'

Dalam satu kenyataan khas yang dibacakan pengerusi persidangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini, mereka turut menggesa Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menyejajarkan kajian yang sedang dilakukan mengenai operasi tabung lindung nilai dan mencadangkan penyelesaian bagi menstabilkan mata wang dengan segera.

Pemimpin berkenaan menarik perhatian kepada nilai mata wang yang terus merosot walaupun langkah pembetulan telah diambil oleh negara serantau dan nasihat IMF.

Dr Mahathir berkata, pemimpin Asean juga sebulat suara bersetuju terhadap cadangan Malaysia untuk berusaha mengetepikan halangan perdagangan dan meningkatkan perdagangan antara Asean bagi mengatasi kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini.

Bagaimanapun, mereka menyangkal langkah itu sebagai satu usaha ke arah mewujudkan semangat keserantauan Asean.

"Ia disebabkan kegawatan ekonomi yang di luar bidang kuasa kita. Lagi pun perbezaan nilai mata wang yang hampir maka ia lebih seimbang dan memudahkan negara-negara Asean meningkatkan perdagangan sesama mereka," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, kerjasama Asean itu bukanlah satu blok dagangan seperti Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) dan Kesatuan Eropah.

"Ia dibuat untuk menjamin kebebasan perdagangan antara negara anggota dan juga mengukuhkan kestabilan ekonomi. Dengan berbuat begitu kita boleh memulihkan ekonomi negara anggota.

"Lagipun kita tidak ada banyak wang untuk membeli produk luar yang begitu kompetitif kerana nilai mata wang kita yang jatuh. Sebab itu kita kena beli daripada sumber yang murah," katanya.

Dalam mesyuarat antara Asean dengan Jepun, Korea Selatan dan China kemudian, ada cadangan supaya usaha dan kerjasama perdagangan diperluaskan membabitkan ketiga-tiga negara berkenaan.

(END)